

Newspaper	Sinar Harian
Date	2/5/2011

# Anwar geloioh: Tun M

## *Tun minta orang Melayu kembali bersatu*

ROSLINDA HASHIM

**ALOR SETAR** - Orang Melayu perlu bersatu mengekalkan perpaduan untuk membina kekuatan negara agar tidak dipinggirkan oleh pihak luar.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka yang lupa pada sejarah tidak mustahil boleh membuat kesilapan lama seperti yang dilakukan nenek moyang terdahulu sehingga negara dan minda kita dijajah pihak luar.

"Jika kita lemah, kita akan dikuasai sesiapa sahaja. Kalau orang Melayu berpecah belah kelak mudahlah pihak luar kuasai kita, sebab itu perpaduan antara orang Melayu penting. Perpaduan beri kita kekuatan, oleh itu untuk kalahkan orang Melayu, caranya kena pecah-belahkan orang Melayu," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Melayu Perkasa Kedah, kelmarin.

Menurutnya, orang Melayu kini sudah pun berpecah belah apabila wujud tiga parti politik uta-

ma dalam kalangan orang Melayu.

"Sekarang orang Melayu sudah berpecah kepada tiga pasukan, masing-masing lemah sebab tidak bersatu. Orang Melayu mewakili 60 peratus penduduk, patutnya kita jadi kuat tetapi disebabkan kita pecah belah, kita lemah," katanya.

Mahathir berkata, hasil perpaduan orang Melayu dalam UMNO yang turut bekerjasama dengan parti komponen lain, antara penyumbang kemakmuran negara, dan ianya perlu dijaga semua pihak.

"Jangan pula ada parti komponen lain menabur fitnah supaya jangan undi BN. Kerjasama dalam kalangan parti komponen juga harus ditingkatkan. Saya agak sedih apa yang berlaku di Sarawak seolah-olah kita hilang sokongan orang Melayu, namun saya percaya ia mampu dipulihkan," katanya.

Menurutnya, konsep yang diamalkan dalam BN adalah perkongsian kuasa secara adil, dan berharap mendapat kerjasama par-



DR MAHATHIR

ti komponen untuk sama-sama mendapatkan sokongan semula.

Mahathir turut mengingatkan orang Melayu supaya kembali bersatu supaya orang Melayu tidak dipinggirkan seperti yang berlaku di negara jiran, Singapura.

"Sama ada UMNO dapat kembali keyakinan dan sokongan orang Melayu, terpulang pada orang Melayu sendiri. Ingatkan sejarah kita pada mereka supaya kita tidak jadi kaum terpencil seperti di Singapura yang hilang pengaruh dan kebebasan bersuara," katanya.

Pada ucapannya, Mahathir turut mendedahkan sikap sebenar Datuk

Seri Anwar Ibrahim yang terlalu rakus mahu mendapatkan sokongan dan kuasa.

"Dia gelojoh sangat, mahu kuasa terlalu cepat. Mana boleh baru masuk UMNO, terus mahu jadi Timbalan Presiden UMNO. Majlis Tertinggi UMNO singkirkan beliau sebab nampak jelas, tujuan dia masuk UMNO bukan mahu perjuangkan parti, tetapi mahu jadikan UMNO anak tangga dapatkan jawatan tinggi dalam parti," katanya.

Mahathir berkata, beliau yakin sekiranya Anwar memilih cara yang betul ketika bersama UMNO dahulu, beliau layak menjadi Perdana Menteri.

"Saya yakin dia boleh jadi Perdana Menteri jika dia pemimpin yang baik, tetapi dia pecah-belahkan orang Melayu menjadi tiga puak sebab itu orang Melayu lemah. Saya tahulah, saya yang angkat dia dari tak ada apa-apa hingga menjawat Timbalan Menteri, kemudian saya pula yang dituduh aniaya dia," katanya.